

Inovasi mantapkan perkhidmatan

18.3.2011 p. A7 UB

Oleh NIK JASNI CHE JAAFAR
nikjasni.ub@gmail.com

KOTA KINABALU: Peningkatan inovasi dalam perkhidmatan adalah penting bagi menjamin kualiti dan keberkesanan sistem penyampaian.

Naib Canselor Universiti Malaysia Sabah (UMS), Brig Jen Prof Datuk Seri Panglima Dr Kamaruzaman Ampon berkata inovasi tetap berlaku walau tidak dirancang tetapi aspirasi, ilham dan iltizam adalah penting bagi memastikan hasil inovasi terbabit adalah sesuatu yang boleh dimanfaatkan.

Kerana itu, katanya, setiap kakitangan perlu menimba sebanyak mungkin ilmu melalui pembacaan, seminar, kursus dan pemerhatian ketika lawatan selain perlu memupuk sikap ingin tahu bagi mempertajam pemikiran.

Katanya, penjanaan idea-idea baru akan menghasilkan produk yang lebih baik, bermutu dan mampu

“Inovasi bukan milik individu tetapi hak semua dan untuk semua bagi membolehkan pelanggan berpuas hati terhadap perkhidmatan yang ditawarkan.”

BRIG JEN PROF DATUK SERI PANGLIMA DR KAMARUZAMAN AMPON
Naib Canselor Universiti Malaysia Sabah

menarik minat umum untuk membelinya.

“Inovasi bukan milik individu tetapi hak semua dan untuk semua bagi membolehkan pelanggan berpuas hati terhadap perkhidmatan yang ditawarkan.

“Justeru, kita harus terus berfikir dan menerokai bidang baru untuk melahirkan daya kreativiti dan inovasi khususnya bagi meningkatkan kecemerlangan perkhidmatan,” katanya ketika berucap merasmikan Hari Bertemu Pelanggan Jabatan Pendaftar di Bangunan Canselori UMS, kelmarin.

Di samping itu, beliau berkata Jabatan Pendaftar sebagai tunjang pentadbiran UMS memainkan peranan penting bagi memperkukuh budaya kerja berkualiti.

Kamaruzaman juga menyarankan jabatan ini agar sentiasa memberi perhatian serius kepada isu semasa serta pantas dalam menangani setiap kelemahan.

“Pensijilan mencerminkan usaha Jabatan Pendaftar untuk mendapatkan pengiktirafan bagi meningkatkan daya saing dan sudah pasti dalam proses mendapatkan pengiktirafan dan pensijilan itu, pelbagai ubahsuai dan pembaikan telah dilakukan.

“Proses ini tentunya memberi pengalaman baru kepada kakitangan jabatan, khususnya dalam mengorientasikan mereka agar terus mencapai standard kecemerlangan yang lebih tinggi,” katanya.

Katanya lagi, paling penting bagi setiap Jabatan/Sekolah/ Pusat/Institut/ Sekolah/Unit yang telah mendapat pensijilan standard kualiti ialah supaya berusaha berusaha mengekalkan kualiti kerja sedia ada.

“Malah mereka juga berusaha lebih gigih untuk memperolehi standard antarabangsa yang diterima pakai untuk industri mahupun aktiviti berkaitan,”



CUBA SENDIRI ... Aksi Kamaruzaman (kanan) bersama Pengarah Institut Penyelidikan Bioteknologi, Datin Seri Panglima Ann Anton (tengah) dan Pendaftar UMS, Mej (K) Abdullah Mohd Said (kiri) ketika melawat gerai pameran Pusat Perkembangan Kanak-Kanak UMS sempena Hari Bertemu Pelanggan Jabatan pendaftar, kelmarin.

katanya.

Kamaruzaman turut menyeru warga UMS agar terus melengkapkan diri dengan kemahiran, ilmu pengetahuan dan sifat peribadi yang positif.

Sementara itu, antara aktiviti yang diadakan sempena program dua hari ini adalah pelancaran web portal baharu Jabatan Pendaftar, penyerahan sijil penubuhan Sekolah/Pusat/Institusi/

Unit, edaran buku kompilasi peraturan pentadbiran universiti, penyampaian hadiah mencipta tagline, pameran, aktiviti luar dan pertandingan pengurusan pelanggan terbaik.